

25/04/2003

Tiada siapa dapat nafi kewibawaan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tiada siapa termasuk media Barat yang dapat menidakkan hakikat kemajuan dan kejayaan yang dicapai Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Perdana Menteri berkata, di bawah Perdana Menteri, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara makmur, maju dan bersatu padu serta menjadi sebuah negara yang dihormati dan disanjung.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan sebagai mengulas sebuah rencana mengenai peralihan pucuk pimpinan di Malaysia yang disiarkan majalah The Economist pada 5 April lalu yang antara lain mengkritik keras kepimpinan Dr Mahathir.

Abdullah berkata, rencana itu memberi gambaran negatif terhadap kemajuan dan pembangunan negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri.

"Jelas daripada tulisan rencana ini bahawa penulis dan majalah ini mempunyai motif yang buruk terhadap pucuk pimpinan negara," katanya dipetik Bernama.

Abdullah berkata, kemajuan dan kejayaan yang dicapai Malaysia yang diterajui Dr Mahathir jelas dapat dilihat, malah diakui di dalam negeri dan di pentas antarabangsa.

"Tiada siapa, termasuk media Barat yang dapat menidakkan hakikat ini," katanya dalam kenyataan empat perenggan itu berhubung rencana 'The Changing of The Guard: A Survey of Malaysia' di majalah itu.

Menurut Pemangku Perdana Menteri, rencana itu tidak harus disalah tafsir atau dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, pada sidang media di sini semalam, turut mengecam majalah yang berpangkalan di Britain itu kerana tidak memberi gambaran sewajarnya terhadap kepimpinan negara dan dasar kerajaan.

Menteri Pertahanan itu berkata, artikel berkenaan seolah-olah menidakkan dasar dan program yang dilaksanakan kerajaan di bawah kepimpinan Dr Mahathir serta membuat kritikan berbentuk peribadi terhadap pucuk pimpinan negara.

Najib berkata, perbandingan yang dibuat antara Dr Mahathir dan Abdullah juga boleh menimbulkan salah faham dalam proses peralihan kuasa Oktober nanti.

"Kandungan artikel berkenaan ada persamaannya dengan apa yang biasa kita dengar daripada pembangkang," katanya.

Beliau berkata, perlu ditegaskan bahawa mana-mana pemimpin mempunyai gaya masing-masing dan hakikatnya Dr Mahathir menamakan Abdullah sebagai penggantinya menunjukkan beliau dan parti yakin Pemangku Perdana Menteri mampu menjalankan tanggungjawab berkenaan.

"Kritikan majalah ini nampaknya berat sebelah tanpa mengambil kira kejayaan besar dan jasa Dr Mahathir dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya," katanya.

Ditanya apakah laporan itu ada kaitan dengan kelantangan pemimpin negara ini menentang pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq, Najib berkata: "Kita hanya boleh membuat spekulasi mengenainya.

"Tugas kita hanya untuk memperbetulkan apa yang salah, yang ditulis mengenai negara dan pemimpin kita, seterusnya memberi gambaran yang betul.

Penulis (media Barat) hanya memfokus kepada apa yang diperkatakan pembangkang dan ini tidak adil."

Beliau berkata, kerajaan boleh mengambil langkah drastik termasuk mengharamkan pengedaran dan penjualan majalah yang membuat laporan sedemikian di negara ini, tetapi buat masa sekarang perkara itu belum diputuskan.